

SIRIM komited untuk menjalankan perniagaan dengan standard tadbir urus terbaik dan integriti tertinggi. SIRIM mewujudkan Polisi Hadiah ini untuk memastikan Warga SIRIM mematuhi Kod Etika Perniagaan Kumpulan SIRIM dalam memberi atau menerima Hadiah di dalam dan di luar premis kerja.

Polisi Hadiah ini memerlukan Warga SIRIM untuk mengamalkan standard etika dan tatalaku tertinggi dalam semua perkara apabila berurusan dengan pihak ketiga untuk mengekalkan kerja beretika dan hubungan perniagaan bagi mengelakkan sebarang konflik kepentingan atau kelihatan seperti ada konflik kepentingan.

**Semua Warga SIRIM tidak dibenarkan memberi atau menerima sebarang hadiah secara langsung atau tidak langsung.**

Polisi Hadiah ini hendaklah dibaca bersama-sama Kod Etika Perniagaan Kumpulan SIRIM dan Polisi Antirasuah SIRIM. Sebarang pelanggaran Polisi Hadiah ini akan juga menjadi pelanggaran kepada Kod Etika Perniagaan Kumpulan SIRIM dan Polisi Antirasuah SIRIM.

**INTEGRITI...Kami mengamalkan standard integriti tertinggi.**

SIRIM berhak mengkaji semula dan menyemak dasar ini bagi memastikan kesesuaian pemakaiannya secara berterusan dan apabila difikirkan perlu.

Atas Arahan,



**NIK SAZAN BIN NIK HUSSIN**

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
SIRIM Berhad  
01 Ogos 2025